

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 9 JUN 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana SPR melaksanakan persempadanan yang seimbang dalam proses persempadanan semula Sarawak berlandaskan (*comply*) dengan syor-syor fasal 20 laporan PSC Penambahbaikan Pilihan Raya. Nyatakan bagaimana kawasan DUN baru mematuhi (*comply*) dengan syor tersebut.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sarawak adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (i) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (ii) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (iii) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- (iv) Memelihara hubungan tempatan.

Sekian. Terima kasih.